

09/08/1997

JAS kaji taklimat untuk Kelantan

Wan Hazmir Bakar; Giles Senin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan memberi taklimat kepada Kerajaan Kelantan berhubung kemusnahan alam sekitar di Tanah Tinggi Lojing akibat kegiatan pembalakan dan pembangunan yang tidak terkawal.

Ketua Pengarahnya, Tan Meng Leng, berkata JAS sudah menerima maklum balas daripada Kerajaan Kelantan berhubung perkara itu dan akan menentukan tarikh yang sesuai untuk penyampaian taklimat.

Bagaimanapun, bentuk taklimat itu masih belum ditentukan kerana ia membabitkan pelbagai agensi kerajaan negeri.

"Soal pembalakan dan pembangunan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan membabitkan Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan majlis daerah.

"JAS hanya boleh memberi nasihat mengenai kemusnahan alam sekitar. Sehubungan itu kita perlu mengkaji terlebih dahulu bentuk taklimat dan tindakan yang boleh diambil oleh JAS," katanya.

Beliau mengulas pengumuman Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, dua hari lalu bahawa Kabinet sudah mengarahkan JAS memberi taklimat kepada Kerajaan Kelantan.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, meminta kerajaan Kelantan menjelaskan kepada rakyat siapa yang bertanggungjawab menggondolkan Tanah Tinggi Lojing dan berkata beliau mempunyai fakta dan bukti kukuh mengenai kegiatan itu.

Mei tahun lalu, JAS mengenal pasti 55 projek pembangunan dan pembalakan yang membabitkan kawasan seluas lebih 130,000 hektar sedang dilaksanakan di situ.

Sebahagian besar daripada pemaju terbabit dikatakan gagal mematuhi syarat berhubung penyediaan Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) dan pelbagai peraturan lain.

Mengenai dakwaan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman, bahawa pihak kerajaan negeri tidak pernah mendapat laporan daripada JAS dan Jabatan Perhutanan Negeri, Tan berkata perkara itu sudah diketahui semua pihak.

Pembukaan tanah yang tidak terkawal di Lojing mendapat perhatian apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Ogos 1994 menyatakan kebimbangan beliau terhadap tindakan kerajaan negeri yang terus membenarkan pembukaan tanah di kawasan tanah tinggi walaupun sudah diberi peringatan.

Pada 15 Mei tahun lalu, Kabinet meminta kerajaan Kelantan supaya mengambil langkah perlu bagi membendung kemusnahan alam sekitar di kawasan itu daripada menjadi lebih buruk.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, sebaliknya mendakwa Kerajaan Pahang perlu bertanggungjawab ke atas pencemaran di sekitar Lojing yang berpunca daripada pembangunan tidak terkawal berhampiran Cameron Highlands.

(END)